

# Hudud: Tindakan tegas jika Pas zalimi rakyat

JITRA 9 Sept. — Perdana Menteri hari ini memberi amaran, tindakan tegas akan diambil terhadap Kerajaan Pas Kelantan sekiranya undang-undang hudud dikuatkuasakan dan rakyat negeri itu menjadi mangsa kezaliman kepada peraturan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat bukan tidak boleh menerima peraturan hudud Pas itu tetapi tidak mahu melihat Kerajaan Kelantan melakukan kezaliman terhadap orang-orang Islam di negeri itu dengan hukum yang berat sebelah.

“Itu sebabnya kita beri jawapan kepada dia (Kerajaan Kelantan) kita tak terima undang-undang Pas di Kelantan. Tapi dia kata dia nak kuatkuasakan juga (undang-undang hudud).

“Kalau dia kuatkuasa juga dan dia berlaku zalim kepada rakyat Kelantan,

kita akan ambil tindakan terhadap Kerajaan Pas di negeri itu,” tegas beliau.

Presiden UMNO itu mengingatkan demikian ketika merasmikan persidangan perwakilan khas UMNO bahagian Kubang Pasu yang diketuainya sendiri di Dewan Jitra, dekat sini.

Turut hadir pada majlis itu termasuk isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff yang juga Timbalan Ketua UMNO bahagian itu, wakil-wakil rakyat dan wakil parti komponen Barisan Nasional.

Sambil menolak tuduhan kononnya UMNO menentang hukum hudud, Dr. Mahathir menjelaskan, apa yang sebenarnya UMNO tentang ialah undang-undang Pas yang digubal berselindung kepada Islam, bukannya hukum hudud sebenar.